

## Peraturan baharu cermin gelap diumumkan hari ini

---

**KUALA LUMPUR:** Peraturan baharu mengenai penggunaan cermin gelap kenderaan akan diumumkan hari ini selepas mesyuarat bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.

“Kita sudah berbincang dalam kementerian bersama dengan JPJ. Memang kita akan membuat pindaan terhadap peraturan cermin gelap yang akan saya umumkan pada sidang media esok (hari ini) selepas perjumpaan dengan JPJ secara muktamad,” katanya kepada Bernama selepas program temu bual ‘*The Nation*’ terbitan *Bernama News Channel*, hari ini.

Loke berkata sesiapa yang ingin mendapat pengecualian untuk menggunakan cermin gelap memerlukan surat kebenaran daripada Ketua Pengarah JPJ dan bayaran tambahan juga akan dikenakan.

“Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan pengecualian mesti ada alasan atas isu keselamatan atau kesihatan.

“Bagaimanapun, saya nak perjelaskan jangan ada mana-mana pihak salah faham bahawa kita nak kenakan caj kepada semua orang.

“Kalau mengikut peraturan yang kita tetapkan, tidak ada bayaran kepada kerajaan, bayaran hanya dikenakan kepada mereka yang minta pengecualian terhadap peraturan itu saja,” katanya. – **BERNAMA**

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 16 | 7 MEI 2019**